

Peristiwa bersejarah persefahaman Islam-Kristian

UM 27 MAY 2002

KUALA LUMPUR 26 Mei — Pergerakan Pemuda UMNO menyifatkan pertemuan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan pemimpin tertinggi Katolik, Pope John Paul II akan menjadi satu lembaran baru dalam sejarah persefahaman antara umat Islam dan Kristian di seluruh dunia.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, pertemuan yang dijadualkan berlangsung di Vatican City bulan depan juga disifatkan sebagai pengiktirafan kepada Perdana Menteri sebagai pemimpin Islam yang sederhana dan sangat dihormati.

Oleh itu, katanya, pertemuan itu adalah satu pertemuan yang amat penting kerana ia akan memberi peluang kepada dunia Islam menyatakan pendiriannya tentang keganasan termasuk kekejaman rejim Israel.

“Isu Palestin bukan sahaja membabitkan penduduk Islam tetapi juga seluruh rakyat Palestin yang terdiri daripada orang Islam dan orang Kristian,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas persetujuan Dr. Mahathir untuk menerima jemputan Pope itu.

Menurut Perdana Menteri, keputusan itu akan disampaikan kepada jemaah menteri dalam mesyuarat Kabinet akan datang.

Beliau dijangka ke Vatican City semasa lawatan kerjanya ke Switzerland dan Luxembourg dari 9 hingga 12 Jun ini.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, Pemuda UMNO yakin pertemuan itu akan dapat meletakkan imej Islam ke tahap yang lebih dihormati oleh masyarakat dunia.

Sementara itu, Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan menganggap jemputan ke Vatican City sebagai suatu undangan istimewa.

Beliau berkata, jemputan oleh pemimpin tertinggi Roman Katolik itu perlu diberi pertimbangan serius kerana ia dianggap sebagai ‘rahmat untuk Malaysia dan Perdana Menteri’.

“Ini adalah satu pengiktirafan kepada Dr. Mahathir sebagai mewakili dunia Islam,” katanya di Kota Kinabalu hari ini.

Pairin berkata, semua agama mengajar penganutnya menjadi orang yang baik dan apabila mereka mengamalkan ajaran itu mereka boleh menjadikan

dunia lebih aman dan sentosa.

Oleh itu, katanya, pertemuan itu tidak harus dilihat dari sudut negatif walaupun ia adalah pertemuan berlainan agama.

Timbalan Pengerusi Biro Undang-Undang dan Strategik MCA Wilayah Persekutuan, Tai Sim Yew berkata, pertemuan kedua-dua pemimpin itu adalah suatu petanda baik kepada masyarakat dunia, khususnya kepada masyarakat negara ini.

“Ia akan menjadikan penghuni dunia lebih harmoni, bersatu dan saling percaya-mempercayai walaupun mempunyai perbezaan agama,” katanya.

Dalam pada itu, DAP meminta semua parti pembangkang terutama Pas, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) menyokong pertemuan Dr. Mahathir dengan Pope John Paul II bulan depan.

Pengerusinya, Lim Kit Siang berkata, pertemuan tersebut perlu didokong di bawah prinsip kemanusiaan yang bertujuan meningkatkan persefahaman antara agama dan sekali gus mencorakkan suasana lebih harmoni di peringkat antarabangsa.

“Pope yang kini berusia 82 tahun dikenali sebagai

seprang yang sentiasa mendokong soal kemanusiaan, perpaduan, keadilan demi meneruskan pembangunan dan demokrasi.

“Dalam hubungan ini, Malaysia sebagai negara yang mempunyai penganut pelbagai agama perlu memainkan peranan utama dalam memupuk persefahaman antara semua pihak,” katanya dalam satu kenyataan di sini.

Jelas Kit Siang, dengan hasrat untuk mencapai kedamaian, tindakan tersebut tidak sepatutnya dipandang serong kerana persefahaman boleh dicapai dalam pelbagai bentuk.

“Pope telah menganjurkan pertemuan pemimpin agama di Assisi pada 1986 dan semangat itu telah dipersetujui oleh Presiden Iran, Mohamad Khatami dengan merujuknya sebagai model untuk persefahaman bersama di Vatican pada 1999.

“Pada tahun 2000, semasa lawatan ke Mesir, Pope bertemu dengan Imam Besar Masjid Al-Azhar dalam satu peristiwa yang disifatkan sebagai tulus dan memupuk minat bersama dalam dialog antara Islam dan Kristian,” jelasnya.